



Bermula Jun 2023, rangkaian produk susu tepung kanak-kanak Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) akan dikilangkan di Frisian Flag Indonesia (FFI). FFI, adalah sebuah syarikat tenusu terkemuka di Indonesia yang baru sahaja menyambut ulang tahunnya yang ke-100. DLMI dan FFI adalah sebahagian daripada rangkaian pengilangan FrieslandCampina.

Tiada kompromi berkaitan keselamatan dan kualiti produk kami. Rangkaian susu tepung kanak-kanak kami yang dikilangkan di FFI mematuhi piawaian yang ditetapkan dibawah Peraturan Makanan Malaysia 1985 dan Akta Makanan 1983 yang sejajar dengan keperluan antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada langkah penyesuaian ini, terdapat perubahan-perubahan berikut keatas pek-pek produk susu tepung kanak-kanak kami:

- i) Nombor Halal
- ii) Alamat Pengilang
- iii) Dimensi Pek Produk

i) Nombor Halal

Produk susu tepung kanak-kanak kami akan terus mendapat pensijilan Halal. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperakui FFI sebagai pengilang Halal bagi rangkaian produk susu tepung kanak-kanak DLMI.

Nombor Halal dikemas kini kepada
MS 1500
1001-12/2021



ii) Alamat Pengilang

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia juga telah memperakui bahawa produk susu tepung yang dihasilkan di fasiliti FFI memenuhi piawaian kebangsaan dan keperluan keselamatan makanan Malaysia.

Alamat pengilang dikemas kini kepada Frisian Flag Indonesia
Jl. Raya Bagar KM. 5 Pasar Reno.
Jakarta Timur, 13760

iii) Dimensi Pek Produk

*Tiada perubahan berat kandungan pada kesemua pek

Dutch Lady 123/456/6+ 850g



Dutch Lady 123/456 550g



Dutch Lady 123 300g



Dutch Lady MaxGro 1.2kg



Dutch Lady MaxGro 600g



Dutch Lady MaxGro 15x27g



SOALAN LAZIM:

Umum / Gambaran Keseluruhan

1. Bilakah operasi pengilangan susu tepung DLMI di Malaysia akan ditamatkan?

Tarikh sasaran penamatan operasi pengilangan susu tepung kami di Petaling Jaya adalah pada akhir Jun 2023. Kami ingin memberi jaminan, bahawa kami akan terus membekalkan susu tepung ke pasaran, yang diperolehi daripada rangkaian FrieslandCampina kami.

2. Adakah ini bermakna kami tidak dapat membeli produk susu tepung Dutch Lady?

Kami akan terus membekalkan susu tepung ke pasaran Malaysia. Produk susu tersebut akan diperolehi daripada rangkaian FrieslandCampina kami.

3. Dari mana datangnya produk susu tepung itu?

Bekalan produk susu tepung kanak-kanak kami akan diperolehi dari Frisian Flag Indonesia (FFI), yang merupakan sebahagian daripada rangkaian FrieslandCampina. Kami ingin memberi jaminan, bahawa kami akan terus membekalkan susu tepung ke pasaran Malaysia.

4. Siapakah Frisian Flag Indonesia (FFI)?

Frisian Flag Indonesia (FFI) adalah sebahagian daripada rangkaian pengilangan FrieslandCampina, dan sebuah syarikat tenusu terkemuka di Indonesia yang baru sahaja menyambut ulang tahunnya yang ke-100.

5. Adakah produk susu tepung kanak-kanak Dutch Lady yang diperolehi daripada FFI akan terus diperakui Halal?

Ya, produk susu tepung kanak-kanak kami akan terus diperakui Halal. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperakui FFI sebagai pengilang Halal bagi rangkaian produk susu tepung kanak-kanak DLMI.

6. Adakah produk susu tepung kanak-kanak Dutch Lady akan terus berkualiti tinggi / selamat untuk diminum?

Kami kekal didorong dengan matlamat kami untuk mengkhasiatkan rakyat Malaysia dengan nutrisi tenusu yang berkualiti tinggi, lestari dan Halal. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) juga telah memperakui bahawa produk susu tepung yang dihasilkan di fasiliti pengilangan FFI memenuhi piawaian kebangsaan dan keperluan keselamatan makanan Malaysia.

7. Adakah Susu Tepung Kanak-Kanak Dutch Lady diimport sepenuhnya (dikilangkan dan dibungkus di FFI)?

Ya, rangkaian produk susu tepung kanak-kanak DLMI akan diperolehi daripada Frisian Flag Indonesia (FFI), yang merupakan sebahagian daripada rangkaian FrieslandCampina.

8. Selain Susu Tepung Kanak-Kanak Dutch Lady, adakah produk lain seperti susu tepung Dutch Lady uga dikilangkan di FFI sekarang?

FFI akan mengilangkan rangkaian produk susu tepung kanak-kanak kami. Kami juga akan bekerjasama dengan pengilang-pengilang tempatan yang mematuhi piawaian global FrieslandCampina.

Pertanyaan Berkaitan Produk

1. Adakah akan ada perubahan dalam senarai ramuan atau maklumat pemakanan untuk produk susu tepung dari FFI?

Kami ingin memberi jaminan bahawa tiada sebarang perubahan dalam senarai ramuan atau maklumat pemakanan untuk produk susu tepung dari FFI. Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, kami sentiasa memantau formulasi produk kami bagi memenuhi keperluan pemakanan kanak-kanak Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada kalsium, protein, vitamin, dan mineral.

2. Saya baru sahaja membeli sebungkus susu tepung kanak-kanak dan tertulis bahawa produk ini dihasilkan di Indonesia. Adakah produk ini asli atau palsu?

Bermula Jun 2023, rangkaian produk susu tepung kanak-kanak Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) akan dikilangkan di Frisian Flag Indonesia (FFI), DLMI dan FFI merupakan sebahagian daripada rangkaian pengilangan FrieslandCampina. Selaras dengan langkah penyesuaian ini, pek produk-produk rangkaian susu tepung kanak-kanak akan dikemas kini dengan nombor Halal, alamat pengilang, dan saiz / dimensi yang baharu. Cara paling mudah untuk mengenal pasti perubahan ini adalah dengan merujuk kepada laman web kami. Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Talian Mesra Pelanggan kami di 1800-81-3855.

3. Mengapa rasa/warna/bau/tekstur susu tepung yang baru saja saya beli kelihatan berbeza daripada yang sebelumnya?

Tiada sebarang perubahan dalam formulasi. Walau bagaimanapun, jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Talian Mesra Pelanggan kami di 1800-81-3855.

4. Bolehkah saya percaya bahawa susu tepung yang dihasilkan di Indonesia ini selamat dan dipercayai untuk anak-anak saya?

Produk susu tepung kanak-kanak kami akan terus mendapat pensijilan Halal. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memperakui FFI sebagai pengilang Halal bagi rangkaian produk susu tepung kanak-kanak DLMI. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia juga telah memperakui bahawa produk susu tepung yang dihasilkan di fasiliti pengilangan FFI memenuhi piawaian kebangsaan dan keperluan keselamatan makanan Malaysia.